(b) Setiap kumpulan akan memilih salah satu daripada strategi berikut:
- (i) Pakatan
- (ii) Manipulasi
- (iii) Serangan fizikal
- (iv) Tipu helah
- (v) Perjanjian
- (vi) Ugutan / Desakan

(c) Pilih peristiwa yang membuktikan penggunaan strategi tersebut. Dapatkan maklumat daripada buku teks, jurnal, ensiklopedia atau Internet tentang peristiwa tersebut.
(d) Setiap kumpulan akan mengadakan perbincangan secara meja bulat. Ahli kumpulan akan mencatat idea pada kertas yang sama.
(e) Antara maklumat yang berkaitan ialah:
- (i) Latar belakang
- (ii) Kuasa Barat terlibat
- (iii) Strategi yang digunakan tersebut
- (iv) Kronologi peristiwa
- (v) Kesan penguasaan Barat
- (vi) Iktibar daripada peristiwa

ePP+ KBAT AKTIVITI PAK-21

SP 7.1.4



TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

# PRAKTIS REFLEKSI Bab 1

Praktis Ekstra
Bab 1

**1.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja mutlak yang diwarisi daripada Kesultanan Johor Riau. | ✗ |
| (b) | Negeri-negeri Melayu menjalankan perdagangan kerana mempunyai pelabuhan yang terletak di muara sungai yang strategik. | ✓ |
| (c) | Pendidikan tidak formal merupakan pendidikan awal atau asuhan dalam institusi keluarga. | ✓ |
| (d) | Kedatangan kuasa Barat pada abad ke-16 untuk mendapatkan bahan seperti rempah-ratus, emas dan perak. | ✓ |
| (e) | Kemunculan perusahaan kereta dan ciptaan tayar menambahkan permintaan untuk bijih timah. | ✗ |
| (f) | Kuasa Jerman menggunakan slogan "Tugas Menyebarkan Tamadun" kepada wilayah yang dijajah yang dianggap mundur. | ✗ |

**2.** Berdasarkan huraian berikut, nyatakan kuasa Barat (**X**) yang betul.

| | Huraian | | Jawapan |
|---|---|---|---|
| (a) | Pada tahun 1600, Syarikat Hindia Timur Inggeris ditubuhkan oleh Kerajaan **X**. | → | British |
| (b) | **X** meluaskan kuasanya di Indochina dan merancang membina terusan di Segenting Kra. | → | Perancis |
| (c) | Kuasa **X** berusaha untuk mendapatkan Pulau Langkawi. | → | Jerman |
| (d) | Pada tahun 1641, kuasa **X** mengadakan pakatan dengan Johor untuk mengalahkan Portugis di Melaka. | → | Belanda |
| (e) | Kuasa **X** ingin bertapak di Terengganu. | → | Amerika Syarikat |

## BAHAGIAN A

**1.** Di manakah sistem pemerintahan tradisional berikut dilaksanakan?

Buku Teks ms. 5

- Sistem Kesukuan
- Sistem Kesultanan
- Sistem Ketua Bebas

**A** Sabah
**B** Sarawak
**C** Kelantan
**D** Negeri Sembilan

Aras Rendah

**2.** Apakah peranan cerita berikut dalam sistem pendidikan tidak formal masyarakat Melayu tradisional?

Buku Teks ms. 8

- *Si Tanggang Anak Derhaka*
- *Anjing dengan Bayang-bayang*

**A** Berkarya
**B** Menasihat
**C** Menghafal
**D** Menghibur

Aras Rendah

**3.** Mengapakah kuasa Eropah berlumba-lumba untuk meluaskan tanah jajahan di Timur selepas Revolusi Perindustrian?

Buku Teks ms. 12

I Mencari pasaran baharu
II Mendapatkan bahan mentah
III Mengembangkan idea revolusi
IV Menandatangani perjanjian perdagangan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

Aras Sederhana

**4.** Apakah kesan perkembangan industri kereta terhadap negara kita?

Buku Teks ms. 13

**A** Pengenalan kenderaan bermotor
**B** Pembinaan jalan raya dinaik taraf
**C** Harga bijih timah melambung tinggi
**D** Permintaan terhadap getah asli meningkat

Aras Tinggi

**5.** Apakah kesan pembukaan Terusan Suez terhadap negara kita?

Buku Teks ms. 14

I Perusahaan getah meningkat
II Perkembangan industri perkapalan
III Mempercepat urusan perdagangan
IV Menggalakkan kedatangan kuasa Barat

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

Aras Tinggi

**6.** Slogan berikut digunakan oleh kuasa Barat untuk menyebarkan tamadun mereka.

Buku Teks ms. 15

Beban Orang Putih

Mengapakah kuasa Barat menggunakan slogan tersebut?

**A** Meraih simpati
**B** Mewajarkan tindakan
**C** Memberikan kesedaran
**D** Mewujudkan kesejahteraan

Aras Rendah

**7.** Apakah kuasa Barat yang berusaha untuk bertapak di Terengganu?

Buku Teks ms. 16

**A** Jerman
**B** Perancis
**C** Sepanyol
**D** Amerika Syarikat

Aras Rendah

**8.** Mengapakah Belanda mengadakan pakatan dengan Johor pada tahun 1641?

Buku Teks ms. 20

**A** Menguasai Singapura
**B** Menyekat kemaraan British
**C** Mengusir Portugis dari Melaka
**D** Memajukan perdagangan Johor

Aras Sederhana

**9.** Apakah kesan strategi pakatan antara British dengan Belanda terhadap negara kita?

Buku Teks ms. 21

**A** British mendapatkan Melaka
**B** Penghapusan lanun di Selat Melaka
**C** Kekalahan Dol Said dalam Perang Naning
**D** Perjanjian perdagangan bijih timah Perak-Belanda

Aras Tinggi

**10.** Maklumat berikut berkaitan dengan konflik yang memberikan peluang kepada British untuk campur tangan di negara kita.

Buku Teks ms. 21

- Perebutan takhta di Perak
- Konflik pembesar di Sungai Ujung, Negeri Sembilan

Apakah strategi yang digunakan oleh British berdasarkan konflik tersebut?

**A** Pakatan
**B** Tipu helah
**C** Manipulasi
**D** Serangan fizikal

Aras Sederhana

PRAKTIS SUMATIF

## BAHAGIAN B

**1.** Negara kita mempunyai sistem pemerintahan dan ekonomi yang mantap dan teratur.

(a) Nyatakan **dua** peranan raja dalam sistem pemerintahan beraja yang diwarisi oleh negara kita.

*Buku Teks* ms. 4

(i) Mengetuai pentadbiran negeri.

(ii) Lambang kedaulatan negeri.

Aras Rendah [2 *markah*]

(b) Bagaimanakah sistem ekonomi yang teratur telah membawa kemakmuran kepada negara kita?

*Buku Teks* ms. 7

Kegiatan perdagangan dijalankan di pelabuhan-pelabuhan yang strategik.

Sistem timbangan dan sukatan digunakan dalam perdagangan.

Penggunaan mata wang memudahkan urusan perdagangan.

Sistem percukaian yang teratur dilaksanakan.

Aras Sederhana [4 *markah*]

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan ekonomi negara kita.

Memanfaatkan hasil hutan dan hasil bumi negara.

Melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa.

Menggalakkan penglibatan rakyat / belia dalam bidang perdagangan.

Menghapuskan amalan rasuah.

Menyediakan infrastruktur yang lengkap/ canggih di seluruh negara.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Aras Tinggi [4 *markah*]

**2.** Maklumat berikut berkaitan dengan strategi kuasa Barat untuk menguasai negara kita.

> Kuasa-kuasa Barat telah menggunakan strategi secara diplomasi dan agresif dalam usaha menguasai negara kita demi kepentingan ekonomi mereka.

(a) Nyatakan **tiga** strategi yang digunakan oleh Belanda untuk menguasai negara kita.

*Buku Teks* ms. 19

(i) Serangan fizikal

(ii) Pakatan

(iii) Perjanjian

Aras Rendah [3 *markah*]

(b) Bagaimanakah British menggunakan strategi manipulasi untuk campur tangan di negara kita?

Buku Teks ms. 21

(i) Menggunakan peristiwa perebutan takhta di Perak pada tahun 1871 untuk campur tangan di Perak.

(ii) Menggunakan peristiwa rompakan kapal dagang British dan serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado sebagai alasan untuk campur tangan di Selangor.

(iii) Mengambil kesempatan berikutan konflik antara pembesar di Sungai Ujong untuk campur tangan di Negeri Sembilan.

Aras Sederhana [3 *markah*]

(c) Sekiranya anda pembesar negara, bagaimanakah anda dapat mengelakkan negara kita daripada dimanipulasi oleh kuasa luar?

Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.

Meningkatkan tahap pendidikan negara.

Sentiasa memberikan kesedaran kepada rakyat.

Memastikan kekayaan negara dinikmati bersama oleh semua rakyat.

Sentiasa memelihara keamanan dan kestabilan negara.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Aras Tinggi [4 *markah*]

## BAHAGIAN C

**Klu Soalan**

1(a) Selepas Revolusi Perindustrian, kuasa Barat memerlukan bahan mentah untuk keperluan kilang dan mencari pasaran baharu.

**1.** Gambar berikut menunjukkan Revolusi Perindustrian di Eropah pada abad ke-17.





(a) Huraikan kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-17 dan ke-18. Aras Rendah [6 *markah*]

Buku Teks ms. 12

(b) Jelaskan faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-19 dan ke-20.

Buku Teks ms. 13–15

Aras Sederhana [6 *markah*]

(c) Apakah peranan warganegara dalam mempertahankan kedaulatan negara? Aras Tinggi [8 *markah*]

Kuiz Gamifikasi

Bab 1

PRAKTIS SUMATIF

# BAB 5 Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

## KUASAI Nota Pintas

### Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

1. Sistem kesukuan
   (a) Dilaksanakan dalam masyarakat tempatan di Sarawak dan Sabah.
   (b) Pegangan dan kepatuhan kepada adat masyarakat menjadi asas penting.
2. Sistem pentadbiran tempatan
   (a) Sistem pentadbiran di Sarawak dipengaruhi oleh Kesultanan Brunei.
   (b) Sistem pentadbiran Sabah pula dipengaruhi oleh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu di bahagian pantai timur Sabah.
   (c) Selain itu, wujud sistem Kedatuan di Sarawak dan sistem Ketua Bebas di Sabah.

### James Brooke Mendapatkan Kuasa Pemerintahan di Sarawak

1. Strategi rundingan
   (a) Berunding dengan Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyelesaikan pertelingkahan di Sarawak.
   (b) Pengiran Raja Muda Hashim menawarkan Sarawak kepada James Brooke.
2. Strategi ugutan
   (a) Bersedia menyerang kedudukan Pengiran Raja Muda Hashim di Kuching jika tidak menyerahkan Sarawak.
   (b) Kehadiran James Brooke dengan angkatan tentera laut British menyebabkan Sultan Brunei bersetuju menyerahkan Sarawak kepadanya.
3. Strategi perjanjian
   (a) Perjanjian 1841 antara James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim.
   (b) Perjanjian 1842 antara James Brooke dengan Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin.
4. Strategi ketenteraan
   (a) James Brooke mendapatkan bantuan angkatan tentera laut British melalui sokongan kapal HMS Dido.

### Pengukuhan Kuasa Pemerintahan James Brooke

1. Kekuatan tentera diperoleh melalui bantuan dan sokongan daripada tentera laut British.
2. Menentang kebangkitan orang tempatan.
3. Memperoleh sokongan sebahagian masyarakat tempatan.
4. Mengambil kesempatan daripada pertelingkahan yang wujud dalam masyarakat tempatan.
5. Menghapuskan tokoh tempatan yang menentang kedudukannya.
6. Memperkukuh pertahanan Sarawak.
7. Mendapatkan sokongan kewangan daripada pemodal Eropah.

### Pertapakan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah

1. Charles Lee Moses menyewa Sabah daripada Sultan Brunei untuk tempoh 10 tahun.
2. Moses menjual haknya kepada J. W. Torrey dan T. B. Harris.
3. Alfred dan Edward Dent memajak pantai timur Sabah daripada Sultan Sulu.
4. Alfred dan Edward Dent bekerjasama dengan Baron Gustavus von Overbeck untuk memajukan Sabah.
5. Torrey menjual haknya kepada Baron Gustavus von Overbeck.
6. Alfred dan Edward Dent menubuhkan British North Borneo Provisional Association Ltd.
7. Dent memperoleh status piagam (charter) daripada kerajaan British.
8. SBUB memerintah Borneo Utara yang menjadi negeri naungan British.

### Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British (SBUB)

1. Piagam Diraja yang diberikan oleh kerajaan British memberikan kuasa kepada SBUB untuk mentadbir Sabah.
2. Syarat penerimaan Piagam Diraja:
   (a) SBUB menerima Penasihat British.
   (b) SBUB memelihara adat resam, agama dan undang-undang penduduk tempatan.
   (c) SBUB memerintah dengan adil dan saksama.
   (d) SBUB melantik Pegawai Tadbir yang diakui oleh British.
   (e) SBUB tidak dibenarkan menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British.
3. Matlamat utama SBUB:
   (a) Pembangunan ekonomi melalui eksploitasi sumber di Sabah.
   (b) Melindungi dan mempertahankan hak-hak masyarakat tempatan.
4. Sir Rutherford Alcock merupakan Presiden pertama dan Alfred Dent sebagai pengarah urusan.
5. Kuasa sebenar syarikat terletak di tangan pemodal di London.
6. Sistem birokrasi di Sabah pula diterajui oleh Gabenor yang berperanan memastikan usaha syarikat untuk mengaut keuntungan.

### Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

1. Pembahagian wilayah.
2. Pengekalan pembesar tempatan.
3. Pentadbiran yang berhierarki.
4. Pentadbiran berasaskan kaum.
5. Pelaksanaan undang-undang Barat dan tempatan.

KUASAI PBD FORMATIF

# 5.1 Latar Belakang Pemerintahan Tempatan di Sarawak dan Sabah

*Buku Teks ms. 110 – 113*

**SP 7.5.1** Menyatakan latar belakang pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah

**1.** Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan sistem kesukuan yang diamalkan di Sarawak dan Sabah.

Info: Etnik di Sarawak

**Sistem Kesukuan**

| Sistem Kesukuan Sarawak | Sistem Kesukuan Sabah |
|---|---|
| (a) Sistem ini diamalkan oleh masyarakat Iban, Bidayuh, Kenyah dan Kayan ______ . | (f) Sistem ini diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun, Murut dan Bajau ______ . |
| (b) Sistem ini memberikan penekanan kepada kepatuhan kepada adat ______ . | (g) Dalam pelaksanaan sistem ini, pegangan adat menjadi alat kawalan sosiopolitik yang berkesan. |
| (c) Bagi masyarakat Iban, Tuai Rumah menjadi sumber autoriti masyarakat. | (h) Ketua kampung yang bergelar Orang Tua merupakan pemimpin utama yang menyelesaikan sebarang masalah dalam masyarakat. |
| (d) Pemilihan pemimpin bukan sekadar faktor keturunan tetapi berasaskan kebolehan peribadi. | (i) Majlis Kampung berperanan membantu Orang Tua dalam pengurusan adat dan kehidupan seharian. |
| (e) Pemimpin dalam sistem ini menjadi orang tengah menyelesaikan pertelingkahan dalam kalangan penduduk demi menjamin keharmonian dalam masyarakat. | (j) Tukang Adat memastikan setiap upacara adat dijalankan dengan betul bagi mengelakkan bencana. |

Cuba jawab **Praktis Sumatif**, *Bhgn C, S1(a)*

**SP 7.5.1**

*TAHAP PENGUASAAN* 1 2 3 4 5 6

**2.** Lengkapkan ayat di bawah bagi menjelaskan pelaksanaan sistem pentadbiran di Sarawak dan Sabah.

| | | | |
|---|---|---|---|
| pantai timur | Datu | tanah | hamba |
| pembesar | pengiran | Kesultanan Sulu | Kesultanan Brunei |
| O. K. Gasing | penguasaan | Datu Temenggung | Sungai Kerajaan |

**Info**
Sejarah Sarawak

### Sistem pentadbiran di Sarawak

(a) Dipengaruhi oleh sistem pentadbiran ___Kesultanan Brunei___.

(b) Sistem pentadbiran dipecahkan kepada tiga bentuk, iaitu ___Sungai Kerajaan___, Sungai Tulin dan Sungai Kuripan.

(c) Pentadbiran dijalankan oleh ___pembesar___ tempatan yang menjadi wakil sultan atau pembesar yang memiliki wilayah tersebut.

(d) Kawasan di Sungai Sarawak ditadbir oleh Datu Patinggi, Datu Bandar dan ___Datu Temenggung___ sebagai wakil Sultan Brunei.

(e) Kawasan pedalaman ditadbir oleh Orang Kaya (O.K) seperti O.K Beti di Padeh, O. K. Antau di Rimbas, O.K. Jugah di Lundu dan ___O. K. Gasing___ di Skrang.

(f) Kuasa Kesultanan Brunei di Sarawak berasaskan kepada sistem ___penguasaan___ tanah.

### Sistem pentadbiran di Sabah

(g) Kawasan pantai barat dikuasai oleh Kesultanan Brunei, manakala kawasan pantai timur dikuasai oleh ___Kesultanan Sulu___.

(h) Kuasa Kesultanan Brunei di Sabah adalah berasaskan sistem penguasaan ___tanah___.

(i) Pentadbiran dijalankan oleh pembesar tempatan yang menjadi wakil sultan atau ___Pengiran___ yang memiliki wilayah tersebut.

(j) Sultan Sulu memiliki semua tanah di bawah pengaruhnya, namun pemerintahan diwakilkan kepada ___Datu___.

(k) Kuasa Datu bergantung pada milikan bilangan ___hamba___ (pengikut) dan kemampuan menghantar ufti secara tetap kepada sultan.

(l) Golongan Datu menjalankan pentadbiran di ___pantai timur___ Sabah dan sistem ini dikenali sebagai sistem Datu.

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn C, S1(b)*

**SP 7.5.1**

*TAHAP PENGUASAAN* 1 2 3 4 5 6

KUASAI PBD FORMATIF

## 5.2 Peluasan Kuasa Dinasti Brooke di Sarawak

*Buku Teks ms. 115 – 119*

**SP 7.5.2** Menerangkan peluasan kuasa rejim Brooke di Sarawak

**3.** Berdasarkan strategi berikut, huraikan langkah-langkah yang diambil oleh James Brooke untuk mendapatkan kuasa pemerintahan di Sarawak. TP 2

IDEA CETUS

ePt+ **Nota Visual** Pemerintahan di Sarawak (1830-an – 1840-an)

**Rundingan**

(a) Berunding dengan ___Pengiran Raja Muda Hashim___ bagi menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di Sarawak.

(b) Pengiran Raja Muda Hashim menawarkan ___Sarawak___ kepada James Brooke.

**Ugutan**

(c) Mengugut Pengiran Raja Muda Hashim dengan bersedia menyerang ___Kuching___ apabila Pengiran Raja Muda Hashim berdolak-dalik untuk menyerahkan Sarawak.

(d) Mengugut pemerintah Brunei, ___Sultan Omar Ali Saifuddin___ semasa hadir ke Brunei untuk mengesahkan penyerahan Sarawak seperti yang dilakukan oleh Pengiran Raja Muda Hashim.

**Perjanjian**

(e) Menandatangani perjanjian dengan Pengiran Raja Muda Hashim pada tahun 1841 untuk menguasai ___pemerintahan___ Sarawak serta ___hasil buminya___.

(f) Menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin pada tahun 1842 dan diiktiraf sebagai ___Raja Putih Sarawak___.

**Ketenteraan**

(g) Menggunakan kekuatan ketenteraan dengan mendapatkan bantuan sokongan daripada ___kapal perang___ angkatan tentera laut British, HMS Dido.

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn B, S1(a)*

**4.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah berkaitan dengan pengukuhan kuasa James Brooke. TP 1

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Mendapatkan bantuan dan sokongan tentera laut British. | ✓ |
| (b) | Menentang kebangkitan penduduk tempatan yang dianggap lanun. | ✓ |
| (c) | Mendapatkan sokongan daripada kaum Melayu dan Cina. | ✗ |
| (d) | Mengambil kesempatan daripada pertelingkahan yang wujud dalam masyarakat tempatan. | ✓ |
| (e) | Menghapuskan tokoh tempatan yang menentang kedudukannya. | ✓ |
| (f) | Menandatangani perjanjian perdamaian dengan parti pembangkang. | ✗ |
| (g) | Memperkukuh pertahanan Sarawak dengan membina benteng dan kubu. | ✓ |
| (h) | Mendapatkan sokongan kewangan daripada pemodal Eropah. | ✓ |

**5.** Lengkapkan rajah berikut bagi menjelaskan peluasan kuasa Dinasti Brooke di Sarawak. TP 3

| **Tahun 1841** |
|---|
| (a) James Brooke memperoleh kawasan Kuching. |
| (b) Merangkumi kawasan dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan. |
| (c) Pada tahun 1840-an, James Brooke menguasai Batang Lupar dan Sungai Saribas. |

| **Tahun 1853** |
|---|
| (d) Penentangan orang Iban di Saribas dan Batang Lupar berjaya ditumpaskan dengan menggunakan alasan menghapuskan lanun. |
| (e) Kawasan Sadong, Batang Lupar, Saribas dan Kalaka berjaya diperoleh oleh James Brooke. Sebagai balasan, separuh daripada hasil pendapatan wilayah ini diberikan kepada Sultan Abdul Mumin. |

| **Tahun 1861** |
|---|
| (f) Sultan Abdul Mumin menyerahkan Sungai Rajang kepada James Brooke dengan bayaran 4 500 Dolar Sepanyol setahun kerana membantu menghapuskan kebangkitan orang tempatan. |
| (g) Kawasan yang terlibat termasuklah Oya, Mukah, Tatau dan Bintulu. |

| **Tahun 1883** |
|---|
| (h) Orang Kayan yang mendiami Sungai Baram bangun menentang Kesultanan Brunei. |
| (i) Charles Brooke berjaya mendapatkan Baram dan seluruh lembangan Sungai Baram daripada Sultan Brunei dengan bayaran ufti sebanyak 4 200 Dolar Sepanyol setahun. |

| **Tahun 1885** |
|---|
| (j) Kawasan di Sungai Trusan diperoleh Charles Brooke dengan bayaran 4 500 Dolar Sepanyol kepada Temenggung yang menguasai kawasan itu. |
| (k) Tindakan diambil bagi menyelesaikan pembunuhan beberapa peniaga Sarawak oleh orang Murut. |

| **Tahun 1890** |
|---|
| (l) Limbang diperoleh Charles Brooke. |
| (m) Berlaku apabila penduduk Limbang bersetuju untuk menyertai Sarawak. |
| (n) Bayaran sebanyak 6 000 Dolar Sepanyol diberikan kepada Sultan Brunei. |

| **Tahun 1905** |
|---|
| (o) Pada 12 Januari 1905, kerajaan sarawak memperoleh hak terhadap Lawas yang dimiliki oleh SBUB. |
| (p) Sempadan Sarawak itu masih dikekalkan hingga kini. |

SP 7.5.2



TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

KUASAI PBD FORMATIF

# 5.3 Peluasan Kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

*Buku Teks ms. 122 – 123*

**SP 7.5.3** Menghuraikan peluasan kuasa Syarikat Borneo Utara British di Sabah

*i-Think* **Peta Alir**

**6.** Lengkapkan peta alir berikut tentang pertapakan SBUB di Sabah. TP 3

**Video Tutorial**
Sabah Sebelum Penguasaan SBUB

Tahun 1865
(a) Sultan Brunei menyewakan Sabah kepada Charles Lee Moses untuk tempoh selama 10 tahun.

→

Moses
(b) menjualkan hak tersebut kepada J. W. Torrey dan T. B. Harris dan menjadikan Kimanis sebagai pusat perdagangan mereka.

→

Tahun 1878
(c) Alfred dan Edward Dent memajak Pantai Timur Sabah daripada Sultan Sulu.

→

Baron Gustavus von Overbeck bekerjasama dengan Alfred dan Edward Dent untuk memajukan Sabah.

→

J. W Torrey
(d) menjual haknya kepada Baron Gustavus von Overback.

→

Julai 1881
(e) Alfred dan Edward Dent menubuhkan British North Borneo Provisional Association Ltd.

→

November 1881
(f) Kerajaan British menganugerahkan Piagam Diraja kepada syarikat Dent tersebut.

→

Tahun 1888
(g) Borneo Utara menjadi negeri naungan British.

**Cuba jawab** **Praktis Sumatif**, *Bhgn B, S2(b)*

**SP 7.5.3**

| *TAHAP PENGUASAAN* | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- | --- |

7. Lengkapkan rajah berikut bagi menjelaskan syarat-syarat yang dikenakan oleh British ke atas SBUB dalam penganugerahan Piagam Diraja. TP 2

Aplikasi KBAT




Info

SBUB

**Syarat 1**

(a) SBUB bersetuju menerima penasihat British.

**Syarat 2**

(b) SBUB mesti melantik Pegawai Tadbir daripada pegawai yang diakui British.

**Syarat 3**

(c) SBUB perlu memelihara adat resam, agama dan undang-undang penduduk tempatan.

**Syarat 4**

(d) SBUB hendaklah memerintah Sabah dengan adil dan saksama.

**Syarat 5**

(e) SBUB tidak dibenarkan menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British.

Cuba jawab **Praktis Sumatif**, *Bhgn A, S6*

SP 7.5.3

*TAHAP PENGUASAAN* 1 2 3 4 5 6

KUASAI PBD FORMATIF

## 5.4 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

*Buku Teks ms. 124, 127 – 129*

**SP 7.5.4** Merumuskan pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

**8.** Lengkapkan peta buih berikut berkaitan dengan strategi Dinasti Brooke dan SBUB bagi memantapkan pentadbiran dan kuasa mereka. TP 5

*i-Think* **Peta Buih**

**Strategi pemantapan pentadbiran di Sarawak dan Sabah**

(a) Pembahagian wilayah bagi mewujudkan pentadbiran yang berkesan.

(b) Pengekalan pembesar tempatan dalam pentadbiran.

(c) Pembentukan pentadbiran berhierarki bagi mewujudkan pentadbiran yang berkesan.

(d) Pentadbiran berasaskan kaum.

(e) Pelaksanaan undang-undang Barat dan tempatan.

**9.** Lengkapkan carta organisasi pentadbiran Sarawak. TP 1

**Raja**

Majlis Tertinggi — (a) Majlis Negeri

↓

(b) Residen

↓

(c) Bahagian

↓

(d) Daerah

↓

Kampung



SP 7.5.4

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

**10.** Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan pentadbiran berasaskan kaum yang dilaksanakan di Sarawak dan Sabah. TP 4

**Pentadbiran berasaskan kaum**

**Sarawak**

(a) Mengamalkan sistem pecah dan perintah.

(b) Tiga kategori utama masyarakat dikelompokkan, iaitu Melayu, Iban dan Cina.

(c) Orang Melayu dilibatkan dalam bidang pentadbiran, orang Iban dalam keselamatan dan ketenteraan, manakala orang Cina dalam bidang ekonomi.

(d) Charles Brooke mewujudkan jawatan Temenggung sebagai jawatan tertinggi masyarakat Iban.

(e) Jawatan Kapitan dan Kangcu diwujudkan dalam kalangan orang Cina.

**Sabah**

(f) Pentadbiran berasaskan peribumi di Sabah.

(g) Pentadbir dikenali sebagai Penolong Pegawai Daerah.

(h) Ketua etnik memainkan peranan dalam pentadbiran kerajaan tempatan.

(i) Pentadbir daripada kalangan kaum etnik dipilih berdasarkan personaliti dan kepakaran.

**11.** Lakukan aktiviti berikut. TP 6

AKTIVITI **PAK-21**

**Bual TV**

(a) Guru bertindak sebagai pengacara TV (host).
(b) 4 orang murid dipilih menjadi ahli panel yang akan membicarakan tajuk "Sistem Pentadbiran Berdaya Saing Menjamin Kestabilan Negara".
(c) Murid lain akan mengemukakan soalan kepada ahli panel.
(d) Guru akan membuat kesimpulan dan rumusan tentang tajuk.
(e) Hasil perbincangan dibuat dalam bentuk laporan.

*AKTIVITI PAK-21*

**SP 7.5.4**



*TAHAP PENGUASAAN* 1 2 3 4 5 6

ePᐩ

KBAT

**12.** Pengiran Raja Muda Hashim menawarkan Sarawak kepada James Brooke sekiranya James Brooke berjaya menamatkan kebangkitan menentang Kesultanan Brunei di Sarawak.
Pada pendapat anda, adakah tindakan Pengiran Raja Muda Hashim satu tindakan yang wajar?
Berikan alasan untuk menyokong pendirian anda. TP 5 KBAT Menilai

Wajar.
Dapat mengembalikan keamanan.
James Brooke mempunyai angkatan tentera.
Usaha sebelum ini gagal mencapai matlamat.
*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*
Atau
Tidak wajar.
Pengiran bertindak tanpa usul periksa dan tidak mengambil kira latar belakang James Brooke.
Pengiran perlu mesra dengan penduduk tempatan.
Mencari penyelesaian yang lain.
*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*

**13.** Lakukan aktiviti berikut. TP 5

ePᐩ Pendidikan Sivik 5

AKTIVITI PAK-21

AKTIVITI **PAK-21**

**Three Stray, One Stay**

(a) Murid dibahagikan kepada kumpulan berempat.
(b) Setiap kumpulan perlu mendapatkan maklumat tentang strategi yang digunakan oleh James Brooke bagi meluaskan kuasa pemerintahan di Sarawak.
(c) Setiap kumpulan mempamerkan hasil dapatan masing-masing di dalam kelas.
(d) Seorang ahli daripada setiap kumpulan akan tinggal untuk memberikan penjelasan tentang hasil dapatan, manalaka dua orang ahli lagi akan bergerak untuk melihat hasil kerja kumpulan yang lain.

**14.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul berkaitan dengan perundangan di Sarawak dan Sabah dan (✗) pada pernyataan yang salah. TP 2

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Di Sarawak, undang-undang **sembilan perkara** diperkenalkan. | ✗ |
| (b) | Mahkamah Residen diwujudkan di **beberapa bahagian utama** di Sarawak. | ✗ |
| (c) | Sabah menggunakan undang-undang **barat dan tempatan**. | ✓ |
| (d) | Mahkamah Majistret di Sabah menggunakan **undang-undang barat**. | ✓ |

SP 7.5.4

TAHAP PENGUASAAN 1 2 3 4 5 6

# PRAKTIS REFLEKSI Bab 5

Praktis Ekstra Bab 5

**1.** Namakan tokoh berikut dengan betul.

| | | |
|---|---|---|
| James Brooke | Charles Brooke | Sultan Omar Ali Saifuddin II |
| William Hood Treacher | Pengiran Raja Muda Hashim | Charles Vyner Brooke |

| | | |
|---|---|---|
|  |  |  |
| (a) Charles Brooke | (b) Sultan Omar Ali Saifuddin II | (c) James Brooke |
|  |  |  |
| (d) William Hood Treacher | (e) Pengiran Raja Muda Hashim | (f) Charles Vyner Brooke |

**2.** Namakan wilayah **X** yang betul.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **A** | Saribas | **B** | Labuan | **C** | Kimanis | **D** | Lidah Tanah |

| Maklumat | Kerajaan |
|---|---|
| (a) Pada tahun 1820-an, masyarakat Melayu bertumpu di **X** yang terletak di sekitar Sungai Sarawak. | D |
| (b) Penentangan orang Iban di **X** dan Batang Lupar berjaya ditumpaskan dengan alasan menghapuskan lanun. | A |
| (c) Sebelum peluasan kuasa SBUB di Sabah, dua kawasan telah dimiliki oleh Sabah , iaitu Pulau **X** dan Pulau Balambangan. | B |
| (d) J.W. Torrey dan T.B. Harris menjadikan **X** sebagai pusat kegiatan perdagangan mereka. | C |

**BAHAGIAN A**

**1.** Apakah asas yang menjadi pegangan dalam sistem kesukuan?
*Buku Teks ms. 110*
- **A** Perkenan sultan
- **(B)** Adat masyarakat
- **C** Pengaruh pembesar
- **D** Kebijaksanaan ketua

Aras Rendah

**2.** Senarai berikut merujuk kepada pembesar yang mentadbir kawasan di Sungai Sarawak.
*Buku Teks ms. 112*

- Datu Patinggi
- Datu Bandar
- Datu Temenggung

Apakah status mereka dalam pentadbiran?
- **A** Ketua Polis
- **B** Pemungut hasil
- **(C)** Wakil Sultan Brunei
- **D** Perantaraan rakyat dengan Sultan Brunei

Aras Rendah

**3.** Apakah masalah yang dihadapi Pengiran Raja Muda Hashim sehingga menyebabkan beliau meminta bantuan James Brooke?
*Buku Teks ms. 114*
- **A** Kemerosotan ekonomi
- **B** Kelemahan dalam pentadbiran
- **C** Amalan rasuah dalam kalangan pentadbir
- **(D)** Kebangitan penduduk menentang Pengiran Brunei

Aras Sederhana

**4.** Apakah alasan James Brooke untuk menentang orang Iban di Sarawak?
*Buku Teks ms. 118*
- **A** Membanteras pemberontak
- **(B)** Menghapuskan lanun
- **C** Mempertahankan Saribas
- **D** Melaksanakan pembaharuan

Aras Rendah

**5.** Maklumat berikut berkaitan dengan syarat dalam perjanjian antara Sultan Brunei dengan British pada 18 Disember 1846.
*Buku Teks ms. 121*

> British menamatkan ancaman lanun dan melindungi perdagangan Brunei.

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada British?
- **(A)** Menguasai Labuan
- **B** Meluaskan kuasa ke Brunei
- **C** Menaungi Kesultanan Brunei
- **D** Mengambil alih pentadbiran Sarawak

Aras Tinggi

**6.** Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh SBUB untuk menerima Piagam Diraja British?
*Buku Teks ms. 123*
- I Memerintah Sabah dengan adil dan saksama
- II Mencorakkan pentadbiran mengikut sistem tradisional
- III Melantik pegawai tadbir daripada kalangan penduduk tempatan
- IV Memelihara adat resam, agama dan undang-undang penduduk tempatan

- **A** I dan II
- **(B)** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

Aras Sederhana

**7.** Mengapakah pentadbiran Brooke mewujudkan pentadbiran berhierarki?
*Buku Teks ms. 127*
- **(A)** Melicinkan pentadbiran
- **B** Mengukuhkan kedudukan
- **C** Mengamalkan pentadbiran British
- **D** Menghapuskan pentadbiran tradisional

Aras Rendah

**8.** Apakah jawatan tertinggi masyarakat Iban di Sarawak yang diwujudkan oleh Charles Brooke?
*Buku Teks ms. 128*
- **A** Kapitan
- **(B)** Temenggung
- **C** Pegawai Daerah
- **D** Ketua Anak Negeri

Aras Rendah

**9.** Maklumat berikut berkaitan pentadbiran berasaskan kaum di Sarawak.
*Buku Teks ms. 128*

| Etnik | Peranan |
|---|---|
| Melayu | Pentadbiran |
| Cina | Ekonomi |
| Iban | Keselamatan dan ketenteraan |

Apakah rasional pelaksanaan strategi tersebut?
- **A** Pentadbiran berhierarki
- **(B)** Memantapkan pentadbiran
- **C** Pengekalan pembesar tempatan
- **D** Pelaksanaan perundangan Barat

Aras Tinggi

**10.** Maklumat berikut berkaitan perundangan di Sabah.
*Buku Teks ms. 129*

> SBUB mewujudkan Mahkamah Anak Negeri untuk mengadili kes-kes yang bersabit dengan penduduk setempat.

Siapakah yang mengadili kes-kes tersebut?
- **A** Orang Tua
- **B** Ketua Adat
- **C** Pegawai Daerah
- **(D)** Ketua Anak Negeri

Aras Rendah

**BAHAGIAN B**

**1.** Gambar berikut merupakan individu yang berjaya menguasai Sarawak, iaitu James Brooke.



(a) Nyatakan strategi yang digunakan oleh James Brooke untuk menguasai Sarawak.

*Buku Teks* ms. 115–116

Mengugut Pengiran Raja Muda Hashim untuk menyerang Kuching.

Menandatangani perjanjian dengan Pengiran Raja Muda Hashim.

Menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei / Sultan Omar Ali.

Bantuan ketenteraan melalui sokongan angkatan tentera laut British.

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*)

**Aras** Rendah [3 *markah*]

(b) Pemerintahan Brooke di Sarawak menyaksikan pengekalan pembesar-pembesar tempatan dalam sistem pentadbiran moden ala Barat.

*Buku Teks* ms. 126

Jelaskan sebab-sebab pemerintahan Brooke mengekalkan pembesar tempatan dalam pentadbirannya.

Mengisi kekurangan pegawai-pegawai Eropah.

Membantu dalam pentadbiran.

Mengekalkan undang-undang tempatan.

Memelihara adat tempatan yang tidak bercanggah dengan sistem Barat.

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*)

**Aras** Sederhana [3 *markah*]

(c) James Brooke mendukung dasar yang berasaskan kepada amanah semasa pemerintahannya di Sarawak. Apakah iktibar yang diperoleh daripada pendirian tersebut?

Pemimpin hendaklah bersifat amanah.

Kita hendaklah amanah dalam melaksanakan tugas.

Pemimpin yang amanah merupakan pemimpin yang berjaya.

Pemimpin hendaklah mempunyai hala tuju demi masa depan rakyat.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

**Aras** Tinggi [4 *markah*]

PRAKTIS SUMATIF

**Klu Soalan**

2(a) Kedudukan Sabah strategik kerana terletak di laluan perdagangan dan laluan maritim. Pelabuhan di Sabah selamat daripada tiupan angin monsun.

**2.** Sabah menjadi tarikan para pelabur asing disebabkan kedudukannya yang strategik serta kekayaan hasil buminya.

(a) Mengapakah kedudukan Sabah dianggap strategik?

Buku Teks ms. 120

Sabah terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di antara China dan Singapura.

Sabah terletak berhampiran dengan laluan Pulau Palawan (yang merupakan laluan maritim bagi kapal-kapal dagang untuk belayar ke China).

Sabah penting dalam perdagangan yang melibatkan Kepulauan Sulu hingga New Guinea dan Australia.

Kapal dagang dapat berlabuh dengan selamat daripada tiupan angin monsun.

Aras Sederhana [3 *markah*]

(b) Sebelum dikuasai SBUB, Sabah telah dipajak dan disewa oleh pelbagai pihak.
Nyatakan **tiga** pemodal asing yang berusaha menguasai Sabah sebelum Sabah dikuasai oleh SBUB.

Buku Teks ms. 122

(i) Charles Lee Moses

(ii) J.W. Torrey dan T. B. Harris

(iii) Alfred dan Edward Dent

Aras Rendah [3 *markah*]

(c) Perubahan sistem pemerintahan dalam perkembangan sejarah Sabah memerlukan penduduk Sabah menerima perubahan dari semasa ke semasa.
Sebagai warganegara Malaysia hari ini, bagaimanakah kita dapat menyesuaikan diri dengan arus perubahan demi kebaikan dan masa depan negara?

Sentiasa menuntut ilmu. Mengikuti perkembangan luar. Mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala sosial dan dadah. Memupuk semangat daya saing.

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*

Aras Tinggi [4 *markah*]

## BAHAGIAN C

**1.** Masyarakat di Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pemerintahan yang berkesan sebelum kedatangan kuasa luar.

(a) Apakah ciri-ciri sistem kesukuan di Sabah? Aras Rendah [6 *markah*]

Buku Teks ms. 111

(b) Jelaskan sistem pentadbiran tempatan di Sarawak dan Sabah. Aras Sederhana [8 *markah*]

Buku Teks ms. 112–113

(c) Pada pendapat anda, apakah kelebihan sistem Ketua Bebas? Aras Tinggi [6 *markah*]

Kuiz Gamifikasi

Bab 5

# PANDUAN TUGASAN SEJARAH

**Pengertian**

(a) Satu kajian secara mendalam tentang situasi, isu, subjek, dokumen atau peristiwa.
(b) Berdasarkan sumber secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

**Ciri**

(a) Data yang mendalam dan teliti dari pelbagai sumber.
(b) Pemerhatian dan empati.
(c) Makna dan iktibar yang boleh dipelajari daripada kes tertentu.

**Tujuan**

(a) Mengilustrasi gambaran, menganalisis dan menginterpretasi kehebatan tokoh, keunikan monumen, situasi, dan peristiwa melalui maklumat yang diperoleh.
(b) Mengenal pasti tingkah laku yang kompleks dalam situasi tertentu.
(c) Mempersembahkan dapatan sebenar.
(d) Pengesahan dapatan.

**Fokus**

(a) Individu, situasi tempatan, atau peristiwa.
(b) Kejadian atau peristiwa yang unik dan utama atau kes tunggal.
(c) Perkara berkaitan tokoh, komuniti, pertubuhan, institusi, peristiwa, tempat, fakta / mitos / legenda, dan monumen.

**Langkah-langkah pelaksanaan tugasan**




**Contoh Laporan Tugasan Sejarah**

https://plus.pelangibooks.com/Resources/KuasaiPBD/SejarahT3/LaporanTugasanSejarah.pdf

UASA

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

**Masa:** Dua jam

**Arahan:** *Kertas soalan ini mengandungi* **tiga** *bahagian, iaitu* **Bahagian A**, **Bahagian B** *dan* **Bahagian C**. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**. *Jawab* **satu** *soalan daripada* **Bahagian C**.

## Bahagian A

[20 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Apakah tugas pembesar jajahan dalam kerajaan Melayu?

I Menjaga keamanan
II Mengetuai angkatan perang
III Menjalin hubungan diplomatik
IV Membantu mengekalkan kedaulatan negeri

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**2.** Gambar berikut menunjukkan kapal berkuasa wap.



Mengapakah ciptaan tersebut menggalakkan kedatangan orang Eropah ke Alam Melayu?

**A** Menyebarkan tamadun Eropah
**B** Perdagangan menjadi lebih mudah
**C** Perjalanan lebih cepat dan menjimatkan
**D** Saudagar dapat menghubungi ejen dengan cepat

**3.** Dialog berikut berkaitan dengan pendudukan Pulau Pinang oleh Francis Light.

| | | |
|---|---|---|
| Sultan Abdullah | : | Beta menawarkan Pulau Pinang kepada tuan supaya permintaan beta dapat tuan tunaikan. |
| Francis Light | : | Baiklah, saya berjanji akan tunaikannya. |

Apakah permintaan Sultan Abdullah?

**A** British memajukan Pulau Pinang
**B** SHTI mengukuhkan angkatan perang Kedah
**C** Mengeratkan hubungan British dengan Kedah
**D** SHTI melindungi Kedah daripada ancaman Siam

**4.** Mengapakah Stamford Raffles mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor Riau?

**A** Menegakkan keadilan
**B** Muslihat untuk menduduki Singapura
**C** Mengukuhkan pengaruh British di Johor
**D** Memberikan sokongan kepada Tengku Hussein

**5.** Rajah berikut berkaitan dengan pentadbiran Negeri-negeri Selat pada tahun 1867.

Pentadbiran Pejabat India

↓

Pentadbiran Pejabat Tanah Jajahan di London

Mengapakah berlaku pemindahan pentadbiran tersebut?

**A** Bantahan saudagar Negeri-negeri Selat
**B** Undang-undang British tidak dikuatkuasakan
**C** Pentadbiran diketuai oleh pembesar tempatan
**D** Menjadikan Negeri-negeri Selat pusat pengumpulan pedagang

**6.** Senarai berikut merujuk kepada pembesar Melayu yang berebut kawasan Sungai Linggi.

- Dato' Kelana
- Dato' Syahbandar

Mengapakah Sungai Linggi menjadi rebutan pembesar tersebut?

**A** Kaya dengan bijih timah
**B** Menjadi kubu pertahanan
**C** Mengawal pungutan cukai
**D** Pusat perdagangan utama

**16.** Landasan kereta api mula dibina oleh British di negara kita pada tahun 1885.

Apakah tujuan British membina landasan kereta api tersebut?

**A** Menjamin mutu bahan mentah
**B** Meningkatkan taraf hidup penduduk
**C** Memudahkan pengangkutan hasil bumi
**D** Memajukan sistem pengangkutan awam

**17.** Maklumat berikut berkaitan dengan pejuang tempatan **X**.

| X |
|---|
| • Namanya membawa maksud "Penggoncang Dunia".<br>• Melancarkan penentangan terhadap pemerintahan Brooke di Sungai Skrang dan Sungai Saribas. |

Siapakah **X**?

**A** Rentap
**B** Mat Sator
**C** Sharif Masahor
**D** Dato' Maharaja Lela

**18.** Mengapakah gerakan penentangan terhadap British oleh masyarakat tempatan akhirnya menemui kegagalan?

I Pucuk pimpinan lemah
II Sokongan tidak menyeluruh
III Penentangan bersifat setempat
IV Kedudukan kewangan tidak kukuh

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**19.** Jadual berikut berkaitan dengan pemerintah negeri Melayu yang berjaya menghadapi cabaran Barat.

| Negeri | Pemerintah |
|---|---|
| Terengganu | Sultan Zainal Abidin III |
| Johor | Maharaja Abu Bakar |

Bagaimanakah kejayaan tersebut dicapai?

**A** Menyatupadukan rakyat
**B** Menggubal perlembagaan
**C** Memperkukuh kedudukan raja
**D** Melancarkan penentangan bersenjata

**20.** Maklumat berikut berkaitan dengan Terusan Wan Muhammad Saman.

| |
|---|
| Terusan Wan Muhammad Saman dibina dengan ukuran panjang 36 kilometer, lebar 7.5 meter dan dalam 1.5 meter. |

Apakah tujuan pembinaan terusan tersebut?

**A** Memajukan pertanian
**B** Membekalkan air bersih
**C** Mewujudkan tempat rekreasi
**D** Memudahkan pengangkutan air

## Bahagian B

[40 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Peta berikut berkaitan dengan pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896 (NNMB).



(c) Terangkan cara-cara untuk menzahirkan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu isu selain cara kekerasan.

(i) Mengadakan rundingan.

(ii) Membuat aduan kepada pihak atasan.

(iii) Mengadakan pungutan suara.

(iv) Menggunakan saluran mahkamah.

[4 *markah*]

**Bahagian C**

[20 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

**1.** Jadual berikut berkaitan dengan Perjanjian London 1824.

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | 7 Mac 1824 |
| **Tempat** | London, England |
| **Pihak yang terlibat** | British dan Belanda |
| **Kandungan perjanjian** | Wilayah pengaruh, kewangan dan perdagangan |

(a) Nyatakan syarat-syarat Perjanjian London 1824. [6 *markah*]

(b) Perjanjian London 1824 membawa kesan buruk kepada Alam Melayu.
Buktikan pernyataan tersebut. [6 *markah*]

(c) Perjanjian London 1824 menunjukkan bahawa tindakan dua kuasa besar membawa kesan buruk kepada negara kecil.
Bagaimanakah kita dapat memastikan peristiwa seperti itu tidak berulang lagi? [8 *markah*]

**2.** Pelbagai strategi digunakan oleh Raja-raja Melayu bagi melindungi kepentingan bangsa dan kedaulatan negeri dalam menghadapi cabaran kuasa Barat.

(a) Huraikan strategi Raja-raja Melayu bagi membela nasib dan kepentingan bangsa melalui Durbar. [6 *markah*]

(b) Jelaskan kejayaan Maharaja Abu Bakar menangani tekanan daripada penjajah British melalui diplomasi. [6 *markah*]

(c) Kesepakatan dan kebijaksanaan Raja-raja Melayu dan pembesar negeri menangani cabaran kuasa Barat telah berjaya mempertahankan kedaulatan negeri.
Apakah iktibar yang anda peroleh daripada kejayaan tersebut? [8 *markah*]